

05 APR 1997

Mahathir-Kuwait

DR MAHATHIR BERLEPAS UNTUK LAWATAN RASMI KE KUWAIT DAN BAHRAIN

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Bandaraya Kuwait pagi ini untuk memulakan lawatan kerja enam hari, masing-masing tiga hari ke Kuwait dan Bahrain.

Lawatan Dr Mahathir itu bertujuan memajukan bidang-bidang bagi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan.

Dr Mahathir diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Rombongan 40 orang, termasuk Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Affifuddin Omar, turut serta dalam lawatan itu.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob serta beberapa menteri lain dan pegawai kanan kerajaan.

Lawatan ke Kuwait itu adalah atas undangan Putera Mahkota merangkap Perdana Menteri Kuwait Sheikh Saad Al-Abdulla Al-Sabah sementara lawatan ke Bahrain di atas jemputan Perdana Menteri Sheikh Khalifa Bin Sulman Al-Khalifa.

Malaysia dan Kuwait dijangka menandatangani perjanjian mengelakkan cukai dua kali semasa rundingan dua hala yang dijadualkan pada hari kedua lawatan.

Di Bahrain pula, Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan dasar pada perasmian Forum Ekonomi Teluk dan menghadiri mesyuarat dengan Dewan Perdagangan dan Pengusaha Bank Bahrain di samping rundingan dua hala.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Kuwait pada tahun lepas ialah RM296 juta manakala dengan Bahrain sebanyak RM100 juta.

-- BERNAMA

RHM AKD